



**JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA**

**TEKS KHUTBAH**

**Tajuk:**

**DAMBA REDHA DI HARI ARAFAH**

**Tarikh Dibaca:**

**9 ZULHIJJAH 1446H /  
6 JUN 2025**

**Disediakan oleh:  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia**



جامعة إسلام ماليزيا  
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

## DAMBA REDHA DI HARI ARAFAH

6 JUN 2025 / 9 ZULHIJJAH 1446H

الحمد لله القائل:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿إِن كُلُّ مَنِ فِي السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ إِلَّا أَتَى رَحْمَنَ عَبْدًا﴾ لَقَدْ أَخْصَاهُمْ وَعَدَهُمْ

عَدًّا ﴿٩٣﴾ مريم [93, 94]

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسِلِّ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَّا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي يُتَقَوَّى اللَّهُ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa. Taatilah segala perintah-Nya dan jauhilah segala larangan-Nya. Tumpukan sepenuh perhatian pada khutbah ini dan janganlah sibuk dengan perkara *lagha* seperti bermain telefon bimbit. Semoga kita semua sentiasa dilimpahi rahmat dan keberkatan Allah SWT. Khutbah pada hari ini akan berbicara tentang; “Damba Redha di Hari Arafah”.

### SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI,

Hari ini, kita berada pada satu hari yang amat agung dan penuh keberkatan, iaitu 9 Zulhijjah yang kita sebut Hari Arafah. Hari yang menjadi kemuncak kepada ibadah haji dan antara hari paling mulia di sisi Allah SWT.

Hari Arafah ialah hari yang penuh rahmat, keampunan dan pembebasan daripada api neraka. Ia merupakan hari yang Allah tawarkan pengampunan seluas-luasnya kepada hamba-hamba-Nya yang datang merendah diri, dengan hati yang menyesal dan lidah yang tidak putus menyebut nama-Nya.

Diriwayatkan daripada Abdullah bin Amru *radhiyallahu anhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

خَيْرُ الدُّعَاءِ دُعَاءُ يَوْمٍ عَرَفَةَ، وَخَيْرُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالنَّبِيُّونَ مِنْ قَبْلِي: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ  
وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Sebaik-baik doa ialah doa pada Hari Arafah, dan sebaik-baik yang aku dan para nabi sebelumku ucapkan ialah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

**(Hadis Riwayat Imam at-Tirmizi)**

Inilah zikir tauhid yang meruntuhkan segala bentuk syirik dan mengangkat darjat seorang hamba di sisi Tuhan. Zikir ini merupakan pengisyiharan bahawa kita tidak menyembah melainkan Allah, tidak bergantung melainkan kepada-Nya, dan menyerahkan seluruh urusan kita kepada-Nya.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Pada hari ini, jutaan umat Islam dari seluruh pelusuk dunia sedang berkumpul di Padang Arafah, berdiri di bawah terik matahari, dengan pakaian ihram yang putih yang menyimbolkan kesamaan dan kehambaan. Lantas mengingatkan kita tentang hari dikumpulkan semua manusia di padang mahsyar nanti.

Mereka menangis, merintih, mengangkat tangan ke langit, memohon keredhaan, keampunan dan rahmat. Tiada yang lebih besar dari harapan seorang hamba yang memohon kepada Tuhan yang Maha Pengampun. Diriwayatkan daripada A'isyah *radhiyallahu anha* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ يَوْمٍ أَكْثَرٌ مِّنْ أَنْ يُعْتَقَ اللَّهُ فِيهِ عَبْدًا مِّنَ النَّارِ مِنْ يَوْمِ عَرْفَةَ، وَإِنَّهُ لِيَدْنُو ثُمَّ  
يَبْاِهِي بِهِمُ الْمَلَائِكَةَ فَيَقُولُ: مَا أَرَادَ هَؤُلَاءِ؟

*“Tidak ada satu hari pun di mana Allah membebaskan lebih banyak hamba dari api neraka selain Hari Arafah. Sesungguhnya Allah mendekat, lalu membanggakan mereka di hadapan para malaikat dan berfirman: ‘Apa yang mereka inginkan?’”.*

**(Hadis riwayat Imam Muslim)**

Namun begitu, wahai saudara-saudaraku, bagi kita yang tidak berada di tanah suci, jangan berasa terpinggir atau sedih. Hari Arafah bukan milik jemaah haji semata-mata. Ia juga hari yang mulia buat seluruh umat Islam di mana sahaja berada.

Diriwayatkan daripada Abi Qatadah al-Ansari *radhiyallahu anhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda:

صِيَامُ يَوْمِ عَرْفَةَ، أَحْتَسِبُ عَلَى اللَّهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ، وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

*“Puasa pada hari Arafah, aku berharap kepada Allah agar Dia menghapuskan dosa setahun yang lalu dan setahun yang akan datang”. (Hadis Riwayat Imam Muslim)*

*Subhanallah*, begitu besar ganjaran yang ditawarkan untuk ibadah yang ringan. Puasa satu hari, namun diampunkan dua tahun (dosa-dosa kecil), dengan syarat keikhlasan dan pengharapan yang tinggi.

Oleh itu, marilah kita manfaatkan detik-detik yang tersisa hari ini dengan berzikir, bertakbir, beristighfar, berdoa, dan bertaubat. Hiasi lisan dengan kalimah suci, dan basahi hati dengan rasa kehambaan yang mendalam.

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Hari Arafah bukan sahaja hari wukuf, bukan sekadar hari puasa dan doa. Ia ialah hari di mana Allah menyempurnakan agama ini. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Maa'idah ayat 3:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَّتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيَتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِيَنًا

*“Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmat-Ku kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama untuk kamu”.*

Ayat yang diturunkan pada ketika haji terakhir Rasulullah SAW ini menjadi tanda bahawa Islam telah lengkap sebagai sistem hidup yang merangkumi akidah, ibadah, muamalat, akhlak dan undang-undang. Ini bermakna, tidak ada lagi keperluan untuk mencari sistem lain selain Islam. Maka menjadi tugas kita sebagai umat Islam untuk menghidupkan dan menyuburkan Islam dalam seluruh dimensi kehidupan kita.

Hidupkan Islam dalam ibadah dengan membersihkan hati dari *riya'* dan lalai. Hidupkan Islam dalam akhlak dengan berlaku jujur, amanah, tidak menipu, tidak mengumpat, dan tidak khianat. Hidupkan Islam dalam rumah tangga dengan menyebarkan kasih sayang yang berlandaskan agama, melaksanakan segala tanggungjawab, dan bimbingan rohani terhadap pasangan dan anak-anak. Hidupkan Islam dalam masyarakat dengan berterusan menegakkan keadilan sosial, membanteras rasuah, menyantuni fakir miskin, serta menegur kemungkaran secara berhikmah.

Justeru mengakhiri khutbah pada hari ini, saya rumuskan beberapa intipati penting untuk sama-sama kita ingat danjadikan pedoman;

**Pertama:** Penuhkan hari ini dan hari-hari seterusnya dengan sentiasa melazimi zikir, membaca al-Quran serta segala ketaatan yang lain dalam usaha menggapai keredhaan Allah SWT

**Kedua:** Islam ialah suatu sistem hidup yang sempurna dari segenap dimensi dan kita seharusnya menghidupkan Islam dalam setiap urusan kehidupan kita.

**Ketiga:** Segeralah bertaubat memohon ampun kepada Allah SWT lebih-lebih lagi dalam detik yang berharga ini kerana mungkin ini Hari Arafah terakhir kita dan tiada jaminan untuk esok.

Renungkanlah firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 203:

\* وَأَذْكُرُوا اللَّهَ فِي أَيَّامٍ مَعْدُودَاتٍ فَمَنْ تَعَجَّلَ فِي يَوْمَيْنِ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ وَمَنْ تَأَخَّرَ فَلَا إِثْمَ عَلَيْهِ لِمَنِ اتَّقَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا أَنَّكُمْ إِلَيْهِ تُحْشَرُونَ ﴿٢٣﴾

**Maksudnya:** “Dan sebutlah kamu akan Allah (dengan takbir semasa mengerjakan Haji) dalam beberapa hari yang tertentu bilangannya. Kemudian sesiapa yang segera (meninggalkan Mina) pada hari yang kedua, maka dia tidaklah berdosa dan sesiapa yang melambatkan (meninggalkan Mina) maka dia juga tidaklah berdosa; (ketiadaan dosa itu ialah) bagi orang yang bertakwa dan hendaklah kamu bertakwa kepada Allah dan ketahuilah sesungguhnya kamu akan dihimpunkan kepadanya”.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،  
وَتَقْبِلَ مِنِي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءُ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلٰةُ وَالسَّلَامُ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلٰى أَهٰلِ  
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلٰهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تَقْعِيَةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللّٰهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلٰةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلٰى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى: إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَكِيَّتُهُ يُصَلُّونَ عَلٰى

**النَّبِيِّ يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ۝**

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ  
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلٰى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلٰى أَلِّ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخَلْفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنِ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِّ  
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمُ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلِكِنَا كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا  
موليا سري قدوك بکیندا يع د-قرتوان اکوغ سلطان إبراهيم.

وَكَذَلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يَعْ مَهَا موليا سري قدوك بکیندا راج فرمایسوري اکوغ، راج  
زاریث صوفیاہ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَاءَهُ وَقُضاَيَاهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاَهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ  
يَا أَرَحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٍ وَآمَانٍ،  
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ اعِرِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدِمِّ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،  
وَاحْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَمْتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

Ya Allah! Ampunilah segala dosa kami. Bantulah umat Islam yang tertindas di mana-mana jua terutamanya buat saudara kami di Palestin. Ya Allah! Berilah mereka kekuatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh, Sesungguhnya hanya Engkau Yang Maha Berkuasa. Ya Allah! Angkatlah dan jauhkan kami dari kemurkaan-Mu, marabahaya, bala bencana, kemarau, banjir, gempa bumi, angin ribut yang membinasa, kesesatan, kejahilan, baik yang nyata mahupun yang tersembunyi. Sesungguhnya tiada daya dan upaya kami melainkan dengan pertolongan-Mu Ya Allah!

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

\* إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٦٠﴾  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.